



**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG DI LUAR BIDANG KUASA  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM**

**PERATURAN 7 (a)**

**IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI DAN PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN  
YANG SEDANG BERKHIDMAT DENGAN PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**WADAR (E.1-2-3 EB.4)  
JABATAN KESELAMATAN DALAM NEGERI  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH IKLAN: 24 JUN 2026  
TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 08 JULAI 2026  
BILANGAN IKLAN: 2026/JUN/08/JPM**

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada Jabatan Keselamatan Dalam Negeri seperti berikut:

**ALAMAT : UNIT TAHANAN DAN PEMULIHAN,  
JABATAN KESELAMATAN DALAM NEGERI,  
SIMPANG 1111, JALAN TUTONG,  
KG. SINAUT, MUKIM KERIAM DAERAH TUTONG, TB1741  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**NO. TEL : [4250329](tel:4250329) EXT 311**

**1. Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

**2. Sila Ambil Perhatian:**

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**WADAR**

**JABATAN KESELAMATAN DALAM NEGERI**

**JABATAN PERDANA MENTERI**

**E.1-2-3 EB.4 (\$515 - \$875 EB KHAS \$895 - \$975 SEBULAN)**

**KEKOSONGAN = TUJUH (07)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

- a) Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau sebanding.

**ATAU**


- b) Telah berkhidmat di Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji F.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tanggagaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji F.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggagaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

**ATAU**

- d) Pernah berkhidmat sebagai anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei atau Pasukan Polis Diraja Brunei dan berpangkat sekurang-kurangnya sebagai Koperal serta mempunyai rekod prestasi yang bersih dalam kerjaya.



### **KELAYAKAN FIZIKAL:**

- a) Umur - Hendaklah berumur 18 tahun hingga 45 tahun pada waktu temuduga dijalankan.
- b) Tinggi dan berat badan - Sekurang-kurangnya 5 kaki 2 inci (1.60m), Tidak melebihi dari 60kg (Lelaki).  
- Sekurang-kurangnya 5 kaki (1.55m), Tidak melebihi 47.6kg (48kg) (Perempuan).

### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Bertanggungjawab kepada Pegawai-Pegawai atasan bagi kerapian dan kecekapan pelaksanaan tugas yang diatitkan;
2. Merekodkan sebarang kejadian ke dalam Buku Harian;
3. Melakukan tugas-tugas kawalan keselamatan yang melibatkan:
  - a) Rondaan,
  - b) Pemeriksaan,
  - c) Pengawalan,
  - d) Perhubungan, dan
  - e) Catatan.
4. Tertakluk kepada aturan-aturan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri [Tempat Tahanan] 2008.